

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA**  
**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

---

PENGGAL YANG KEDUA

KERTAS PEMBERITAHU

HARI SABTU, 23 HARIBULAN APRIL, 1960

---

**PERTANYAAN<sup>2</sup> BAGI JAWAB MULUT**

**\*1. Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan:

- (a) ada-kah Kerajaan sedar bahawa jambatan Kereta Api di-Kosial yang panjang itu menyusahkan ra'ayat dan kenderaan lalu lintas mulai jam 6.30 petang sampai 6.30 pagi.
- (b) Kalau ada, ada-kah Kerajaan berchadang hendak membukakan-nya sa-lama 24 jam kepada lalu lintas.
- (c) Kalau tidak apa-kah sebab-nya.

**\*2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan berapa-kah bilangan kereta diesel yang telah di-beli oleh Kereta Api Tanah Melayu, dan berapa-kah bilangan pesanan yang telah di-batal dan berapa-kah perbelanjaan yang mesti di-bayar kerana membatalkan pesanan<sup>2</sup> atas kereta<sup>2</sup> yang tersebut.

**\*3. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan apa-kah kebaikan yang telah di-peroleh atas kunjongan-nya ka-negeri Jepon dan apa-kah kejayaan<sup>2</sup> kunjongan itu.

**\*4. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Buroh menerangkan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil-nya dalam merancangkan undang<sup>2</sup> dasar Pesuruhjaya Penyiasatan Pelabuhan Pulau Pinang menurut Undang<sup>2</sup> Majlis Gaji tahun 1947, dan ada-kah ia akan mengishtiharkan sekarang akan nama ahli<sup>2</sup> Surohanjaya itu.

**\*5. Enche' Othman bin Abdullah (Tanah Merah):** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan ada-kah Kerajaan sedar bahawa mengadakan sa-buah hospital di-Tanah Merah itu mustahak. Kalau ada, bila-kah Kerajaan hendak mendirikan sa-buah hospital di-Jajahan itu. Kalau tidak kenapa.

**\*6. Enche' S. P. Seenivasagam:** Minta kapada Menteri Pertahanan menerangkan perkara<sup>2</sup> yang tersebut di-bawah ini dengan merujuk kepada perenggan 133 Penyata Pemerkasa Kira<sup>2</sup> Wang Negara bagi tahun 1958:

- (a) di-mana-kah Tempat Masak Beramai<sup>2</sup> (Central Kitchen) itu di-dirikan dan siapa-kah yang mendirikan-nya.
- (b) mengapa-kah tender<sup>2</sup> tidak di-panggil.
- (c) ada-kah Setia-Usaha Perbendaharaan sedar bahawa Tempat Masak Beramai<sup>2</sup> (Central Kitchen) di-dirikan dengan tidak mendapat persetujuan-nya terlebeh dahulu ia-itu tender<sup>2</sup> tidak di-kehendaki di-panggil, sakira-nya ia tidak sedar, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil ka-atas mereka yang chuai untuk memberitahu akan hal ini kapada Setia-Usaha itu.

## PERTANYAAN<sup>2</sup> BUKAN BAGI JAWAB MULUT

- 1. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan apa-kah sebab satu tindakkan pun tidak di-ambil untuk memindahkan orang<sup>2</sup> papa itu ka-rumah baharu. Sa-tengah<sup>2</sup> daripada mereka itu beranak pinak dan membanjiri kaki<sup>2</sup> lima dan di-jalan<sup>2</sup> kecil di-Ibu Kota.
- 2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah banyak biasiswa post graduate dalam jurusan perubatan yang telah di-beri sejak Kemerdekaan, berapa-kah ramai-nya daripada mereka yang menerima biasiswa itu daripada Warga Negara Persekutuan Tanah Melayu dan berapa pula daripada mereka yang bukan Warga Negara Tanah Melayu dan berapa-kah bilangan-nya daripada pegawai dagang British.
- 3. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah jumlah perbelanjaan membaikkan Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur, dan berapa-kah jumlah perbelanjaan membaikkan semua rumah<sup>2</sup> sakit di-seluroh Persekutuan dan berapa-kah pula perbelanjaan ha-nya untuk menyapu chat sahaja.
- 4. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah banyak-nya kuasa sejok (air conditioners) yang telah di-beri kapada pegawai<sup>2</sup> Pejabat Perubatan dan berapa-kah jumlah perbelanjaan untuk memasukkan kuasa sejok (air conditioners) itu ka-rumah pegawai<sup>2</sup> Perubatan Kanan.
- 5. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah bilangan Klinik Kesihatan Luar Bandar dan Klinik Gigi Luar Bandar yang telah di-buka sejak Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
- 6. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah jumlah wang yang di-peroleh oleh Specialist Perubatan Kerajaan sa-bagai bayaran specialist-nya dalam tahun 1959. Ada-kah Specialist<sup>2</sup> itu berhak menuntut apa<sup>2</sup> bayaran mengikut kehendak-nya.
- 7. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan berapa-kah gaji permulaan bagi sa-saorang specialist Anak Tanah Melayu dan gaji permulaan bagi sa-saorang specialist Pegawai Dagang. Berapa peratus daripada bayaran specialist itu di-beri kepada Specialist<sup>2</sup> itu sendiri dan ada-kah mereka menggunakan ubat Kerajaan dan perkakas Kerajaan semasa menjalankan rawatan pakar-nya.
- 8. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan :
- (a) ada-kah ia sedar ia-itu semasa sa-orang perempuan bernama Mrs. Parameswary isteri kapada Sivasamboo di-bawa ka-dalam Ward 22 dalam Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur pada 24 haribulan Januari, 1960, pukul 1.00 pagi kerana mengidap penyakit keluar darah daripada rahim-nya, bahawa di-dapati doktor yang kerja pada hari itu tidak ada dalam ward itu untuk merawati-nya.
  - (b) ada-kah ia sedar bahawa daripada jam 1.00 pagi Staff Nurse ward 22 telah berulang kali talipon kapada doktor itu tetapi doktor itu tidak datang untuk memereksa orang sakit itu hingga pukul 8.00 pagi.

(c) ada-kah ia sedar bahawa orang sakit itu akhir-nya meninggal pada pukul 8.50 pagi di-sebabkan doktor itu tidak datang untuk merawati-nya sa-baik<sup>2</sup> sahaja orang sakit itu di-bawa masuk dan dengan sebab ia tidak datang apa-bila di-panggil masa kechemasan. Apa-kah tindakkan yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya ka-atas doktor itu yang telah menyebabkan satu kematian dan yang telah lalai di-dalam menyempurnakan kewajipan-nya sebagai sa-orang doktor.